
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JOP 353 – TEORI DAN PERKEMBANGAN ORGANISASI

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

SOALAN 1 (25 markah)

Syarikat ABC telah memasarkan satu produk X dengan jayanya. Bagi mengatasi masalah pertumbuhan yang pesat dalam syarikat, Ketua pegawai eksekutif syarikat bertegas untuk mengambil ramai pengurus baru. Syarikat tidak bimbang tentang kos, kerana jualan sedang meningkat. Apakah masalah-masalah yang mungkin timbul pada masa hadapan kepada syarikat ABC? Jawapan anda mesti menyentuh tentang struktur reka bentuk organisasi.

SOALAN 2 (25 markah)

Pengurus Restoran Dot Mai di Ipoh ingin meningkatkan keuntungan, maka dia sanggup melakukan apa sahaja untuk meningkatkan keuntungan tersebut. Salah satu cara ialah dengan membuka sebuah lagi cawangan restoran di Kelantan. Namun beliau dapati pekerja beliau tidak inovatif. Pada pandangan anda bagaimanakah seorang pengurus boleh membentuk budaya inovatif?

SOALAN 3 (25 markah)

Syarikat Chip Bhd menjalankan pelbagai perniagaan. Perniagaan tersebut melibatkan pengeluaran produk komputer, cakera pemacu, perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan sekuriti. Nasihatkan Syarikat Chip untuk membangunkan 'teras kompetensi kos berkurangan'.

SOALAN 4 (25 markah)

En. Kamal seorang Ketua Eksekutif mendapati berlaku penurunan produktiviti di syarikat beliau. Pemegang saham turut memberi tekanan kepada beliau untuk meningkatkan produktiviti bagi menjana keuntungan syarikat. Daripada penyelidikan yang dijalankan, En. Kamal mendapati syarikat perlu menjalankan penstrukturan semula untuk memastikan keberkesanan organisasi. Namun begitu idea yang diketengahkan beliau mendapat tentangan daripada pihak pengurusan pertengahan. Apakah teknik yang boleh digunakan oleh En. Kamal untuk memudahkan penstrukturan semula syarikat tersebut?